

Privacy & PDP Policy

This Privacy and Personal Data Protection Policy is issued to all our immediate and/or prospective customers, suppliers and employees pursuant to the Personal Data Protection Act 2010 ("the Act") which came into effect on 15th November 2013 and serves as our personal data protection notice in accordance with the Act.

1. Collection of Personal Data

In the course of your dealings with Windsor Homes Sdn Bhd and/or any of its the subsidiaries ("Windsor Homes"), we will request that you provide data and information about yourself ("Personal Data") to enable us to enter into commercial transaction with you or to deliver the necessary notices, services and/or products in connection with our business. These are relevant in connection with our business process, execution, including delivery of notices, services and/or products, client relationship management, planning purposes in connection with future products, new product launches and events including promotional events with business partners within our projects or townships.

2. Personal Data

Such Personal Data may be subject to applicable data protection, privacy and other similar laws and may include but not limited to information concerning your name, date of birth, identity card number, passport number, address, gender, race, nationality, contact information, e-mail address, work history, education, compensation currently and historically, employer feedback, performance reviews, disciplinary actions, references and any other details of past employers or other people you provided to us, residential or postal addresses, your current or previous vocations, your employer's name, address, telephone or fax number, your previous addresses and preferred mode of communication, any previous names you may have used or aliases, religion, current and savings account number, credit card details, bank name and other pertinent banking information, tax file identification number, EPF number, SOCSO number; and criminal history, where permitted by applicable law.

3. Purpose of Collection of Personal Data

The Personal Data will be collected, processed and used by us for the following purposes:

- a. the delivery of notices, services or products and the marketing of such services or products whether present or future, to you;
- b. in order for you to enter into the necessary agreement and/or contract to purchase the products and/or properties from us;
- c. the maintenance and upkeep of customer records and development;
- d. those purposes specifically provided for in any particular service or product offered by us or our partners;
- e. marketing and client profiling activities regarding our latest projects, products and/or services;
- f. preparation and execution of all necessary documents and agreements and/or contracts for our projects, products and/or services with you;
- g. credit assessments, financial and background investigation as and when deemed necessary;
- h. our internal record keeping;
- i. prevention of crime (including but not limited to fraud and money-laundering);
- j. meeting any legal or regulatory requirements relating to our provision of services and products and to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, direction, court order, by-law, guideline, circular, code applicable to us or any member companies of our Group;
- k. enable us to send you information by e-mail, regular postal mail, telecommunication means (telephone calls, SMS messages or social chat applications) or internet social media about products and services offered by selected third parties that we think may interest you but doing so we maintain control over your Personal Data and we will not disclose your Personal Data to any third parties without your prior written consent;
- l. vacant possession, keys handover, property/estate management, customer care and/or defect rectification works;
- m. post vacant possession services, such as club house services, security and customer loyalty card programmes;
- n. any subsequent commercial transactions in relation to any projects, products and/or services; and

- o. enable us to furnish and submit your Personal Data to the following relevant parties, please refer to "Appendix A1 – List of Government bodies/agencies/local authorities and institutions".
- p. enable us to furnish and submit your Personal Data to the following relevant parties, please refer to "Appendix A2 – List of Non-Governmental bodies/agencies and private institutions".

4. Source of Personal Data

The Personal Data will be collected, processed and used by us are sourced from wholly legitimate and transparent means such as:

- a. agreements and contracts for sale and purchase of our properties or for our services;
- b. official registration forms (either electronic or printed) for new launches or property roadshows, showcases, exhibitions or any other promotional events;
- c. official Request for Information forms that are provided to you by our employees or agents;
- d. any emails or any correspondences that we have received from you requesting for information or making any inquiries;
- e. any forms that you have submitted on our website or any websites contracted by us;
- f. any referrals from a person which have included their verifiable personal contact details;
- g. letters of offer from financial institutions (local and foreign) for pre-approved loans;
- h. Business cards that were dropped or given to our employees, agents, broker s or associates; or
- i. any documents (including but not limited to statutory forms and returns) that were submitted to us for processing.

At no time will any Personal Data be purchased by us or in any way commercially acquired through the purchase or trading of illegitimate and illegal Personal Data databases or lists.

5. Rights of Access and Correction

You have the right to request access to and if required, correction of your Personal Data in our records. You have the right to:

- a. request access to your Personal Data in our records for verification purposes. You may access and review all of your Personal Data held by us in person at our corporate offices located at the address given in (h) below;
- b. request the correction of your Personal Data in our records in the event the information is inaccurate, misleading, out-of-date or incomplete upon validation and verification of the new information provided in person at our corporate offices located at the address given in (h) below;
- c. request that your Personal Data shall only be kept for the fulfilment of the purpose of the collection of such information;
- d. request for proof of policy and procedure in relation to the safeguard and guarantee of your Personal Data in our records;
- e. request that we specify or explain its policies and procedures in relation to data and types of Personal Data handled by us;
- f. communicate to us your objection to the use of your Personal Data for marketing purposes whereupon we will not use your Personal Data for these purposes in person at our corporate offices located at the address given in (h) below; and
- g. withdraw, in full or in part, your consent given previously, in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period in person at our corporate offices located at the address given in (h) below;
- h. you may make a request to access, review, amend and correct your Personal Data through:

Windsor Homes Sdn Bhd
Unit 2, Level 43, Naza Tower Platinum Park,
No. 10, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel No.: 03-2789 9028

6. Disclosure of Personal Data

The information we gather is not sold, given to, or otherwise shared with other organisations for commercial or any other purposes. We do, however, send out emails on behalf of selected organisations to those of our subscribers who have opted in to receive these messages. We send the messages directly, so at no time do the advertisers get to see users' personal information – unless of course users respond or reply to these advertisements or mailings themselves.

The Personal Data provided to us will be kept confidential and we will seek your agreement, consent and authorisation to disclose your Personal Data to the following classes of parties:

- a. any persons, government agencies, statutory authorities and/or industry regulators whom we are compelled or required to do so pursuant to any law, please refer to "Appendix A1 – List of Government bodies /agencies / local authorities and institutions";
- b. relevant parties, please refer to "Appendix A2 – List of Non-Governmental bodies/agencies and private institutions".
- c. any related companies and/or subsidiaries of Windsor Homes, including those incorporated in the future;
- d. our business partners and affiliates that provide related services or products in connection with our business;
- e. our auditors, consultants, lawyers, accountants or other financial or professional advisers appointed in connection with our business;
- f. our third party service providers, third party management companies, sub-contractors or other parties as may be deemed necessary by us to facilitate your dealings with us; and
- g. our appointed service providers in relation of our loyalty programmes, for the purpose of delivery gift redemption and services.

The above lists are not exhaustive. We may also disclose your Personal Data to any other relevant parties as may be reasonably necessary in connection with our business operations, compliance with legal and regulatory requirements, or to protect our rights and interests, without the need to issue further notice to you, subject always to compliance with the Act.

Third parties are legally tasked with processing your Personal Data in line with principles specified by Windsor Homes Sdn Bhd. Third parties are also held legally responsible for securing your Personal Data at an appropriate level of security in relation to applicable data protection laws and widely accepted industry standards.

You may at any time withdraw, in full or in part, your disclosure consent given previously, in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period in person at our corporate offices located at the address given in 5(h) above.

7. Choices to Limit Processing of Personal Data

The Personal Data provided to us undergoes processing as and when required or upon scheduled maintenance. The definition of processing defines it as "any operation or set of operations which is performed upon Personal Data, whether or not by automatic means, such as collection, recording, organization, storage, adaptation or alteration, retrieval, consultation, use, disclosure by transmission, dissemination or otherwise making available, alignment or combination, blocking, erasure or destruction;"

You have the right to limit in part or wholly any of the processes by which your data is subjected to in terms of the operations allowed to be performed upon it, the period of time allowed or alternatively the date line of the consent given.

The responsibility for compliance rests on the shoulders of Windsor Homes who determines the purposes and means of the processing of Personal Data. You may at any time withdraw or amend, in full or in part, your processing consent given previously, in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period in person at our corporate offices located at the address given in 5(h) above.

8. Consequences of Refusal / Failure to Provide Personal Data

The Personal Data provided to us is wholly voluntary in nature and you are not under any obligation or under any duress to do so. However, in some circumstances such as the preparation and execution of a Sales and Purchase Contract, or a Supplier Letter of Award or an Employment Letter requires certain personal details and information beforehand.

The failure to provide the Personal Data may result in the following which we shall not be held liable for any of the consequences arising therefrom:

- a. the inability of parties to formalize any contract and/or agreement and/or Sale and Purchase Agreement / tenders / Letter of Awards / Employment Contract in relation to the sale of our property, products and/or services, to facilitate construction or to hire human resource;
- b. the inability for us to provide you with the notices, services and/or products requested;
- c. the inability for us to update you with the latest product and/or launches;
- d. the inability to complete commercial transactions in relation to our projects, products and/or services; and
- e. the inability to comply with any applicable law, regulation, direction, court order, by laws, guidelines and/or codes applicable to us.

9. Protection of Personal Data

Your Personal Data will be kept and processed in a secured manner. The appropriate administrative and security safeguards, policies and procedures will be implemented, as far as practicable, in accordance to the applicable laws and regulations. We will, as far as practicable, aim to prevent any unauthorized and/or unlawful processing of, and the accidental loss, destruction or damage to your Personal Data. We will retain your Personal Data for as long as is necessary to fulfill the purposes for which it was collected, or as required or permitted by applicable laws and regulations. Once your Personal Data is no longer required for such purposes, it will be securely deleted, destroyed, or anonymised.

Windsor Homes Sdn Bhd is committed to taking appropriate technical, physical and organisational measures to protect your Personal Data against unauthorised access, unlawful processing, accidental loss or damage, and unauthorised destruction of your Personal Data.

To safeguard against unauthorised access to Personal Data by third parties outside Windsor Homes, all electronic Personal Data held by Windsor Homes is maintained on systems that are protected by secure networks. Windsor Homes entities limit access to internal systems that hold Personal Data to a select group of authorised users who are given access to such systems through the use of a unique identifier and password. Access to Personal Data is limited to and is provided only to relevant users for the purpose of performing their official duties. Compliance with these provisions will be required of all third-party administrators who may access your Personal Data, as described in the 'Disclosure of Personal Data' in Section 6 above.

10. Language

In accordance to Section 7(3) Personal Data Protection Act 2010, this Policy is issued in both Bahasa Malaysia and English languages. In the event of any inconsistency, the English language version of this Policy shall prevail.

11. Your Privacy Preferences and How to Contact Us:

In the event you wish to contact us on your Personal Data, please: -

- a. email us to: marketing@multifieldasia.com; or
- b. write or fax to us at the following address –

Windsor Homes Sdn Bhd
Unit 2, Level 43, Naza Tower Platinum Park,
No. 10, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel No.: 03-2789 9028

12. Changes to this Policy

Windsor Homes may update this Policy from time to time for example, to comply with changes in business operations or laws and regulations. Windsor Homes will post all changes to this policy. The latest version will always be available on our website as needed.

13. Consent

By providing us with your Personal Data or continuing to communicate with Windsor Homes, we shall regard that you have consented to the processing of such data.

14. Transfer of Personal Data Outside Malaysia

In the course of our operations, we may transfer your Personal Data to locations outside Malaysia, including to our related companies, service providers, and business partners. Such transfers will only be made where we are satisfied that adequate levels of protection are in place to safeguard your Personal Data, in compliance with the Act and any applicable laws.

<u>Appendix A1 - List of Government bodies/agencies/local authorities and institutions</u>	<u>Appendix A2 - List of Non-Government bodies/agencies and private institutions</u>
i. Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan; ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; iii. Lembaga Hasil Dalam Negeri; iv. Ministry of Housing and Local Government; v. Land Office; vi. Local authorities; vii. Internal auditors; viii. High court, lower courts or tribunals; ix. Insurance companies; and x. ISO auditors	i. Indah Water Konsortium; ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; iii. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas); iv. Tenaga Nasional Berhad; v. Banks and financial institution; vi. Insurance companies; vii. External financial auditors; and viii. Law firms

Dasar Privasi dan Perlindungan Data Peribadi

Dasar Privasi dan Perlindungan Data Peribadi ini dikeluarkan kepada semua pelanggan, pembekal dan pekerja dan/ atau bakal pelanggan, pembekal dan pekerja menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta tersebut") yang berkuatkuasa pada 15 November 2013 dan berfungsi sebagai notis perlindungan data peribadi kami selaras dengan Akta tersebut.

1. Pengumpulan Data Peribadi

Semasa anda berurusan dengan Windsor Homes Sdn Bhd dan/atau mana-mana anak syarikatnya ("Windsor Homes"), kami akan meminta bahawa anda untuk memberikan data dan maklumat peribadi anda ("Data Peribadi") bagi membolehkan kami untuk memasuki transaksi komersial dengan anda atau untuk menghantar notis-notis, perkhidmatan dan/atau produk-produk berkenaan dengan perniagaan kami. Ini adalah relevan dengan proses, pelaksanaan perniagaan kami, termasuk penyampaian notis-notis, perkhidmatan dan/atau produk-produk, pengurusan hubungan pelanggan, perancangan berkaitan dengan produk-produk masa hadapan, pelancaran produk-produk baru serta acara termasuk acara promosi dengan rakan-rakan perniagaan dalam projek-projek atau perbandaran kami.

2. Data Peribadi

Data Peribadi sebegini mungkin tertakluk kepada undang-undang perlindungan data, privasi dan undang-undang lain yang sama dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor paspot, alamat, jantina, bangsa, kewarganegaraan, maklumat perhubungan, alamat emel, sejarah pekerjaan, pendidikan, pampasan terkini dan terdahulu, maklumbalas majikan, penilaian prestasi, tindakan disiplin, rujukan dan maklumat lain mengenai majikan terdahulu atau orang lain yang diberikan oleh kamu kepada kami, alamat rumah atau alamat pos kamu, kerjaya kamu terkini dan terdahulu, nama, alamat, nombor telefon atau faks majikan kamu, alamat terdahulu anda dan pilihan cara komunikasi anda, nama lain yang anda pernah guna atau alias, agama, nombor akaun semasa dan nombor akaun simpanan, butir-butir kad kredit, nama bank dan maklumat perbankan penting yang lain, nombor pengenalan fail cukai, nombor KWSP, nombor SOCSO dan rekod jenayah yang dibenarkan oleh undang-undang.

3. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

Data Peribadi akan dikumpul, diproses dan digunakan oleh kami untuk tujuan-tujuan berikut: -

- a. penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran perkhidmatan atau produk tersebut sama ada semasa dan masa depan, kepada anda;
- b. bagi membolehkan anda untuk memasuki perjanjian dan/atau kontrak berkaitan untuk membeli produk dan/atau hartanah daripada kami;
- c. penyelenggaraan dan penjagaan rekod dan perkembangan pelanggan;
- d. tujuan yang diperuntukkan dalam mana-mana perkhidmatan atau produk yang ditawarkan oleh kami atau rakan kongsi perniagaan kami;
- e. pemasaran dan aktiviti profil pelanggan mengenai projek, produk dan/atau perkhidmatan terkini kami;
- f. menyediakan dan melaksanakan semua dokumen dan perjanjian dan/atau kontrak yang berkaitan dengan projek, produk dan/atau perkhidmatan kami dengan anda;
- g. penilaian kredit, siasatan kewangan dan latar belakang apabila dianggap perlu;
- h. penyimpanan rekod dalam kami;
- i. pencegahan jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada frod dan pengubahan wang haram);
- j. mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau peraturan berkaitan dengan provisi perkhidmatan dan produk kami dan membuat pendedahan di bawah keperluan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling dan kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana anak syarikat dalam Kumpulan kami;
- k. membolehkan kami menghantar maklumat melalui emel, pos biasa, cara telekomunikasi (panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas atau aplikasi perbualan sosial) atau internet media sosial mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga yang terpilih di mana kami rasa mungkin menarik minat anda tetapi dalam proses tersebut kami kekal kawalan atas Data Peribadi anda dan kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis anda;
- l. pemilikan kosong, penyerahan kunci, pengurusan harta/estet, perkhidmatan pelanggan dan/atau kerja-kerja rektifikasi kerosakan;
- m. perkhidmatan selepas pemilikan kosong seperti perkhidmatan rumah kelab, sekuriti dan program ganjaran kesetiaan pelanggan;
- n. apa-apa transaksi komersial kemudian yang berkaitan dengan mana-mana projek, produk dan/atau perkhidmatan; dan
- o. membolehkan kami untuk memberi dan mengemukakan Data Peribadi anda kepada pihak- pihak berkaitan, sila rujuk pada "Lampiran A1 – Senarai Badan Kerajaan, Agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan Institusi ;
- p. membolehkan kami untuk memberi dan mengemukakan Data Peribadi anda kepada pihak- pihak berkaitan, sila rujuk pada "Lampiran A2 – Senarai Bukan Badan Kerajaan/Agensi dan Institusi Swasta".

4. Sumber Data Peribadi

Data Peribadi yang akan dikumpul, diproses dan digunakan oleh kami adalah diambil dari cara-cara yang sah di sisi undang-undang dan telus seperti berikut: -

- a. perjanjian dan kontrak untuk jual beli hartanah kami atau untuk perkhidmatan kami;
- b. borang pendaftaran rasmi (sama ada elektronik atau bercetak) untuk pelancaran baru atau pertunjukan jalanan hartanah, pameran atau apa-apa acara promosi;
- c. borang Permintaan maklumat rasmi yang diberikan kepada anda oleh pekerja-pekerja atau ejen-ejen kami;
- d. apa-apa emel atau surat-menyurat yang kami terima daripada anda untuk meminta maklumat atau membuat sebarang pertanyaan;
- e. apa-apa borang yang dikemukakan dalam laman web kami atau apa-apa laman web yang dikontrak oleh kami;
- f. apa-apa rujukan daripada seseorang di mana butir-butir perhubungan orang tersebut telah disahkan;
- g. surat tawaran daripada institusi kewangan (tempatan dan asing) untuk pinjaman wang yang telah diluluskan;
- h. kad perniagaan yang telah diletakkan di dalam premis kami atau diberikan kepada pekerja, ejen, broker atau bersekutu kami; atau

- i. apa-apa dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada borang dan pulangan berkanun) yang telah dikemukakan kepada kami untuk pemprosesan. Tidak akan ada sebarang Data Peribadi dibeli oleh kami atau dalam apa jua pemerolehan secara komersial melalui pembelian atau perdagangan senarai atau pangkalan data (database) Data Peribadi yang tidak sah atau haram.

5. Hak untuk Mengakses dan Membuat Pemindaan

Anda mempunyai hak untuk meminta akses untuk dan jika diperlukan, membetulkan sebarang Data Peribadi anda dalam rekod kami.

Anda mempunyai hak untuk: -

- a. meminta akses pada Data Peribadi anda dalam rekod kami untuk tujuan pengesahan. Anda boleh akses dan kaji Data Peribadi anda dengan menghadirkan diri di pejabat korporat kami yang terletak di alamat yang dinyatakan di (h) di bawah;
- b. meminta pembetulan Data Peribadi anda dalam rekod kami sekiranya maklumat tersebut adalah tidak tepat, mengelirukan, tidak dikemaskini atau tidak lengkap setelah pengesahan maklumat baru yang diberi dengan menghadirkan diri di pejabat korporat kami yang terletak di alamat yang dinyatakan di (h) di bawah;
- c. meminta bahawa Data Peribadi anda hanya akan disimpan selama yang diperlukan bagi memenuhi tujuan mengumpul maklumat tersebut;
- d. meminta bukti polisi dan prosedur berkenaan perlindungan dan jaminan Data Peribadi anda dalam rekod kami;
- e. meminta kami menyatakan atau menerangkan polisi dan prosedur berkenaan data dan jenis Data Peribadi yang dikendali oleh kami;
- f. memaklumkan kepada kami bantahan anda terhadap penggunaan Data Peribadi anda untuk matlamat pemasaran di mana kami tidak akan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut. Anda boleh memaklumkan kepada kami dengan menghadirkan diri di pejabat korporat kami yang terletak di alamat yang dinyatakan di (h) di bawah; dan
- g. menarik balik, sepenuhnya atau sebahagiannya, kebenaran yang diberi sebelum ini, dalam setiap kes tertakluk kepada apa-apa sekatan perundangan, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah dengan menghadirkan diri di pejabat korporat kami yang terletak di alamat yang dinyatakan di (h) di bawah;
- h. Anda boleh meminta akses, mengkaji, meminda dan membetul Data Peribadi anda melalui:

Windsor Homes Sdn Bhd

Unit 2, Aras 43, Menara Naza Platinum Park,

No. 10, Persiaran KLCC,

50088 Kuala Lumpur, Malaysia.

No. Tel: 03-2789 9028

6. Pendedahan Data Peribadi

Maklumat yang kami kumpul tidak akan dijual, diberikan atau dikongsi dengan organisasi-organisasi lain untuk tujuan komersial atau tujuan lain. Kami, walau bagaimanapun, ada menghantar emel bagi pihak organisasi yang terpilih kepada pelanggan yang memilih untuk menerima mesej sebegini. Kami menghantar mesej tersebut secara langsung, oleh itu tiada pengiklan dapat melihat maklumat peribadi pengguna-pengguna – melainkan jika pengguna-pengguna membalas atau menjawab iklan atau emel secara sendiri.

Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami akan disimpan secara sulit dan kami akan mendapatkan persetujuan, pemberian kuasa dan kebenaran anda untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada kumpulan-kumpulan pihak berikut: -

- a. mana-mana pihak, agensi kerajaan, pihak berkuasa statutori dan/atau pengawal selia industri di mana kami adalah di bawah kewajipan atau keperluan untuk berbuat demikian menurut sebarang undang-undang, sila rujuk pada "Lampiran A1 – Senarai Badan Kerajaan, Agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan Inst itusi";
- b. pihak- pihak berkaitan, sila rujuk pada "Lampiran A2 – Senarai Bukan Badan Kerajaan/Agensi dan Institusi Swasta";
- c. mana-mana syarikat berkaitan dan/atau anak syarikat Windsor Homes, termasuk syarikat-syarikat Windsor Homes yang bakal diperbadankan;
- d. rakan-rakan perniagaan kami dan rakan bersekutu yang membekalkan perkhidmatan atau produk yang berkenaan dengan perniagaan kami;

- e. juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan dan profesional kami yang dilantik berkenaan perniagaan kami;
- f. pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami, syarikat pengurusan pihak ketiga, sub-kontraktor atau mana-mana pihak lain yang dianggap perlu untuk membolehkan urusan anda dengan kami; dan
- g. pembekal perkhidmatan kami yang dilantik berkenaan program ganjaran kesetiaan pelanggan, untuk tujuan penghantaran penebusan hadiah dan perkhidmatan.

Senarai di atas adalah tidak menyeluruh. Kami juga berhak untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak berkepentingan yang lain, sebagaimana yang dianggap munasabah dan perlu, bagi tujuan operasi perniagaan kami, pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan peraturan, atau bagi melindungi hak dan kepentingan kami, tanpa perlu memberi notis tambahan kepada anda, tertakluk sepenuhnya kepada pematuhan dengan Akta.

Pihak ketiga adalah ditugaskan secara sah untuk memproses Data Peribadi anda selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Windsor Homes Sdn Bhd. Pihak ketiga juga adalah bertanggungjawab di bawah undang-undang terhadap keselamatan Data Peribadi anda pada tahap sekuriti yang sesuai selaras dengan undang-undang perlindungan data yang terpakai dan dengan standard industri yang diterima secara meluas.

Anda boleh pada bila-bila masa menarik balik, secara seluruh atau sebahagiannya, kebenaran pendedahan anda yang diberi sebelum ini, dalam setiap kes tetapi tertakluk pada apa-apa sekatan undang-undang yang terpakai, pra-syarat kontrak dan satu masa yang munasabah dan anda perlu membuat penarikan tersebut dengan menghadirkan diri di pejabat korporat yang terletak di alamat seperti dinyatakan di 5(h) di atas.

7. Pilihan untuk Mengehadkan Pemprosesan Data Peribadi

Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami akan diproses apabila dianggap perlu atau ketika penyelenggaraan dijadualkan. Definisi 'diproses' adalah "apa-apa operasi atau set operasi yang dilakukan atas Data Peribadi, sama ada melalui cara automatik, seperti pengumpulan, rakaman, susunan, penyimpanan, adaptasi atau pemindaan, pengambilan semula, perundingan, penggunaan, pendedahan melalui transmisi, penyebaran atau dengan cara penyebaran lain, penyelarasan atau gabungan, penyekatan, penghapusan atau kemusnahan";

Anda mempunyai hak untuk mengehadkan secara sebahagian atau sepenuhnya mana-mana proses di mana data anda adalah tertakluk pada terma-terma operasi yang dibenarkan untuk dilaksanakan, tempoh masa yang dibenarkan atau secara alternatifnya tarikh akhir kebenaran yang diberikan.

Tanggungjawab untuk pematuhan adalah diletakkan atas Windsor Homes yang menetapkan tujuan dan cara pemprosesan Data Peribadi. Anda pada bila-bila masa, boleh menarik balik atau meminda, secara seluruh atau sebahagiannya, kebenaran pemprosesan anda yang diberi sebelum ini, tetapi tertakluk pada apa-apa sekatan undang-undang yang terpakai, pra-syarat kontrak dan satu masa yang munasabah dan anda perlu membuat penarikan tersebut dengan menghadirkan diri di pejabat korporat yang terletak di alamat seperti dinyatakan di 5(h) di atas.

8. Akibat Keengganan / Kegagalan untuk Membekal Data Peribadi

Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami adalah secara sukarela dan anda adalah tidak diwajibkan atau dipaksa untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, dalam situasi yang tertentu seperti penyediaan dan pelaksanaan Kontrak Jual Beli, Surat Tawaran Pembekal atau Surat Tawaran Kerja yang memerlukan maklumat dan butir-butir peribadi sebelum itu.

Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi mungkin mengakibatkan yang berikut di mana kami tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang akibat yang timbul darinya: -

- a. ketidakupayaan pihak-pihak untuk merasmikan apa-apa kontrak dan/atau perjanjian dan/atau Perjanjian Jual Beli / tender / Surat Tawaran / Surat Tawaran Kerja yang berkaitan dengan jualan hartanah, produk dan/atau perkhidmatan kami, untuk tujuan memudahkan pembinaan atau untuk tujuan sumber manusia;
- b. ketidakupayaan kami untuk membekalkan anda dengan notis, perkhidmatan dan/atau produk yang diminta;
- c. ketidakupayaan kami untuk membekalkan anda dengan produk dan/atau pelancaran terkini;
- d. ketidakupayaan kami untuk melengkapkan transaksi komersial berkenaan projek, produk dan/atau perkhidmatan kami; dan
- e. ketidakupayaan kami untuk mematuhi apa-apa undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan dan/atau kod-kod yang terpakai kepada kami.

9. Perlindungan Data Peribadi

Data Peribadi anda akan disimpan dan diproses dalam cara yang selamat. Pentadbiran dan perlindungan keselamatan, polisi dan prosedur yang sesuai akan dilaksanakan, setakat yang praktikal, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai. Kami akan, setakat mana yang praktikal, cuba untuk menghalang sebarang sebarang pemprosesan yang tidak dibenarkan dan/atau salah di sisi undang-undang, dan juga kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak sengaja terhadap Data Peribadi anda. Kami akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, atau seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang terpakai. Setelah Data Peribadi anda tidak lagi diperlukan untuk tujuan tersebut, ia akan dipadam, dimusnahkan atau dianonimkan dengan selamat.

Windsor Homes Sdn Bhd adalah komited untuk mengambil langkah-langkah teknikal, fizikal dan organisasi untuk menjaga Data Peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan, pemprosesan yang tidak sah di sisi undang-undang, kerugian atau kerosakan yang tidak sengaja, dan kemusnahan yang tidak dibenarkan terhadap Data Peribadi anda.

Untuk melindungi daripada akses Data Peribadi tanpa kebenaran oleh pihak ketiga di luar Windsor Homes, semua Data Peribadi elektronik yang dipegang oleh Windsor Homes adalah dilindungi dengan rangkaian selamat. Entiti-entiti Windsor Homes mengehadkan akses kepada sistem dalaman yang memegang Data Peribadi kepada sekumpulan pengguna terpilih yang diberi kuasa dan akses kepada sistem ini melalui penggunaan pengenalan unik dan kata laluan. Akses kepada Data Peribadi adalah terhad kepada dan hanya akan dibekalkan kepada pengguna yang relevan untuk tujuan melaksanakan tugas rasmi mereka. Pematuhan dengan peruntukan-peruntukan ini adalah diperlukan bagi semua pentadbir pihak ketiga yang mungkin mengakses Data Peribadi anda, seperti yang dinyatakan dalam "Pendedahan Data Peribadi" dalam Seksyen 6 di atas.

10. Bahasa

Selaras dengan Seksyen 7(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Dasar ini dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya berlaku sebarang terma-terma yang tidak berkonsisten, versi Bahasa Inggeris Polisi ini akan digunapakai.

11. Pilihan Privasi Anda dan Bagaimana Anda Boleh Menghubungi Kami

Sekiranya anda ingin menghubungi kami mengenai Data Peribadi anda, sila: -

- a. Emel kepada: marketing@multifieldasia.com ; atau
- b. Bertulis atau faks kepada alamat berikut: -

Windsor Homes Sdn Bhd

Unit 2, Aras 43, Menara Naza Platinum Park,

No. 10, Persiaran KLCC,

50088 Kuala Lumpur, Malaysia.

No. Tel: 03-2789 9028

12. Perubahan Dasar Perlindungan Data Peribadi Kami

Windsor Homes mungkin mengemas kini Polisi ini dari semasa ke semasa, contohnya untuk mematuhi perubahan dalam operasi perniagaan atau undang-undang dan peraturan. Windsor Homes akan menyiarkan semua perubahan kepada Polisi ini. Versi terkini akan sentiasa tersedia di laman web kami apabila diperlukan.

13. Persetujuan

Dengan membekalkan kami dengan Data Peribadi anda atau meneruskan komunikasi dengan Windsor Homes, kami akan menganggap bahawa anda telah bersetuju / memberi kebenaran untuk pemprosesan Data Peribadi anda.

14. Pemindahan Data Peribadi ke Luar Malaysia

Dalam menjalankan operasi kami, kami mungkin memindahkan Data Peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia, termasuk kepada syarikat berkaitan kami, penyedia perkhidmatan, dan rakan niaga. Pemindahan tersebut hanya akan dibuat apabila kami berpuas hati bahawa tahap perlindungan yang mencukupi telah tersedia untuk melindungi Data Peribadi anda, selaras dengan Akta dan mana-mana undang-undang yang berkenaan.

Lampiran A1 – Senarai Badan Kerajaan, Agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan Institusi	Lampiran A2 – Senarai Bukan Badan Kerajaan/Agensi dan Institusi Swasta”
i. Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan; ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; iii. Lembaga Hasil Dalam Negeri; iv. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan;	i. Indah Water Consortium; ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; iii. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas); iv. Tenaga Nasional Berhad; v. Bank dan institusi kewangan; vi. Syarikat insurans; vii. Juruaudit kewangan luaran; dan viii. Firma guaman.